



KITASELANGOR



LAPORAN TAHUNAN 2024

JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA NEGERI SELANGOR

(**PLAN**Malaysia Selangor)

Perancangan Melangkaui Kelaziman

ISI KANDUNGAN

M/S5

**PERUTUSAN
PENGARAH**

M/S18

**PENGURUSAN
KEWANGAN**

M/S7

**PENGURUSAN
TERTINGGI**

M/S20

**PENCAPAIAN
PIAGAM
PELANGGAN**

M/S9

**STRATEGI
KORPORAT
JABATAN**

M/S41

**LAWATAN
DELEGASI
LUAR**

M/S13

**STRUKTUR
ORGANISASI
JABATAN**

M/S47

**KALENDAR
PROGRAM
JABATAN**

M/S15

**PENGURUSAN
SUMBER
MANUSIA**

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

YBRS. TPr. KHAIRULZAMAN BIN IBRAHIM

KETUA EDITOR

PN. NOR ZALIZA BINTI MOHD PUZI

EDITOR

EN. DZUL ASHRAI BIN ABU BAKAR

TPR ROZDIANA BINTI MOHD ROSMI

PN. ROSMARIAWATI BINTI HASHIM

PN. NUR ZAKIAH BINTI ZAKARIA

EN. MOHD PARHAN BIN MD SUBRI

CIK NUR AMIRA BINTI MAT DIAH

PN. SITI AZLINDA BINTI MOHD RIPIN

EN. AZRI HANIS BIN ZUL

PN. AZIZAH BINTI IBRAHIM

PN. SUZIANAH BINTI MUSTAPAH

PN. NORITA BINTI HASHIM

EN. RAHIMIE BIN IBRAHIM

EN. FAUZI BIN ZAFFERI

PN. ZARIFAH HANIS BINTI MAT SAAD

EN. MUHAMMAD ADZHAN BIN MOHD SAIKE

PN. NUR MARINA BINTI MOHAMED

PEREKAGRAFIK

EN. KHALIMY AZHAN BIN MD. THANI

Negeri Selangor (PLANMalaysia Selangor) Tingkat 15-18 .
Bangunan Darul Ehsan No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14 40646 Shah Alam .
Tel : 03-55116666 Faks : 03-5511 3557
Laman web : www.jpbdselangor.gov.my

Terbitan . Laporan Tahunan 2024 .
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa

PERUTUSAN PENGARAH



KITASELANGOR





KITASELANGOR

TPR KHAIRULZAMAN BIN IBRAHIM

Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor (PLANMalaysia Selangor)

Dengan lafaz Bismillah saya memanjatkan syukur ke hadirat Allah S.W.T kerana dengan izinNya, aktiviti dan program PLANMalaysia Selangor untuk tahun 2024 dapat dirakamkan di dalam Laporan Tahunan PLANMalaysia Selangor 2024. Laporan ini mencerminkan pencapaian PLANMalaysia Selangor sepanjang tahun 2024 untuk mencapai matlamat Jabatan. Saya yakin bahawa setiap perkara yang didokumentasikan ini dapat dijadikan penanda aras untuk pencapaian Jabatan setiap tahun.

Di kesempatan ini, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh warga kerja PLANMalaysia Selangor yang telah menyumbang khidmat bakti cemerlang sepanjang tahun 2024. Saya yakin dan percaya pelbagai cabaran telah dihadapi dalam usaha mencapai prestasi tersebut. Tahun 2025 pasti akan hadir membawa cabaran yang baharu, tetapi dengan semangat kebersamaan dan tekad yang tinggi, kita pasti dapat mengatasi semua rintangan yang mendatang.

Akhir kata saya ingin merakamkan penghargaan dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam penghasilan Laporan Tahunan PLANMalaysia Selangor 2024 ini. Semoga kita terus maju dan berkongsi kejayaan bersama-sama. Sekian



PENGURUSAN TERTINGGI



KITASELANGOR



PENGURUSAN TERTINGGI JABATAN



TPr KHAIRULZAMAN BIN IBRAHIM
Pengarah
PLAN Malaysia Selangor



PN. NOR ZALIZA BINI MOHD PUZI
Timbalan Pengarah
- Ketua Bahagian Perancangan Korporat



EN. DZUL ASHRAI BIN ABU BAKAR
Ketua Bahagian
Perancangan Pengawalan



**TPr ROZDIANA BINI MOHD
ROSMI**
Ketua Bahagian
Rancangan Pembangunan



PN. NOORSIMA BINI AJENAN
Ketua Bahagian
Pentadbiran & Kewangan

STRATEGI KORPORAT JABATAN



KITASELANGOR





STRATEGI KORPORAT JABATAN

Visi

Peneraju perancangan bandar dan desa ke arah kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara menjelang 2030.

Misi

Mengawalselia perancangan pembangunan negeri pintar yang komprehensif dan kondusif ke arah persekitaran berdaya huni.

Dasar Korporat

Mewujudkan pembangunan negeri dan tempatan yang komprehensif, progresif serta mampan, dengan penekanan kepada keseimbangan alam sekitar, sosial dan ekonomi, bagi mencapai kehidupan manusia yang berkualiti dan harmoni.

Objektif Jabatan

1. Mengukuhkan pembangunan fizikal, sosial dan ekonomi di kawasan bandar dan desa bagi meningkatkan taraf kehidupan penduduk selaras dengan matlamat negeri dan negara.
2. Melaksana dan memastikan pemakaian kaedah-kaedah, dasar, pelan dan garis panduan perancangan dipakai dan dilaksanakan oleh semua agensi di semua peringkat perancangan.
3. Mengatur, mengawal dan menyelaraskan pemajuan, penggunaan dan pemuliharaan tanah melalui pelaksanaan berkesan Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 dan akta-akta berkaitan.
4. Menjadi penasihat utama dalam perancangan bandar dan desa kepada Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, serta agensi-agensi yang berkenaan.

FUNGSI JABATAN

Bagi melaksanakan objektif-objektif perkhidmatan perancangan bandar dan desa di Negeri Selangor, Jabatan ini berperanan sebagai -

- penasihat utama kepada Kerajaan Negeri tentang semua hal ehwal berkaitan perancangan bandar dan desa termasuk pemeliharaan, penggunaan dan pembangunan tanah;
- melaksana dan menyelaras penyediaan rancangan pemajuan iaitu rancangan struktur negeri, rancangan tempatan, rancangan kawasan khas dan kajian/projek khas sama ada yang diarahkan atau atas inisiatif Jabatan;
- menyelaras pelaksanaan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, kaedah-kaedah, piawaian dan garis panduan perancangan bandar dan desa di semua pihak berkuasa tempatan di Negeri Selangor;
- bertindak sebagai urus setia bagi Jawatankuasa Perancang Negeri yang ditubuhkan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 [Akta 172];
- bertindak sebagai urus setia bagi Jawatankuasa Teknikal Jawatankuasa Perancang Negeri di bawah seksyen 20A Akta 172, Jawatankuasa Penilaian Impak Sosial Peringkat Negeri Selangor dan Jawatankuasa Teknikal Kawasan Sensitif Alam Sekitar;
- menjalankan fungsi urus setia Lembaga Rayuan; dan
- memberi khidmat nasihat kepada Jabatan/Agensi lain mengenai perancangan bandar dan desa.

TERAS PELAN STRATEGIK 2021-2025

- Memperkukuhkan keberkesanan perancangan dan pengurusan pembangunan spatial, ekonomi berteknologi tinggi ke arah kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negeri.
- Memantap dan memperluas penyelidikan dan pembangunan ke arah amalan perancangan terbaik dengan mengambilkira pendekatan norma baharu bertaraf dunia.
- Mengawal selia dan memudahcara pembangunan yang berkualiti dan mampan dengan memperkasa asas perundangan dan pematuhan sistem perancangan.
- Memperkukuh pengurusan maklumat perancangan yang sistematik dan efisien.
- Memperkukuhkan kapasiti organisasi dan urus tadbir ke arah melonjakkan kecekapan dan daya saing.


STRUKTUR ORGANISASI JABATAN



KITASELANGOR



STRUKTUR ORGANISASI JABATAN



PENGURUSAN SUMBER MANUSIA



KITASELANGOR



PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

(Sehingga 31 Disember 2024)

1

Pengurusan Tertinggi

Kumpulan Pengurusan Tertinggi

17

Pengurusan & Profesional

Kumpulan Pengurusan dan Professional

88

Kumpulan Pelaksana

Kumpulan Pelaksana

106

Jumlah Warga Kerja

Jumlah Perjawatan Keseluruhan

Komposisi Skim Perkhidmatan

Nama Skim Perkhidmatan	Perjawatan	Pengisian	Kekosongan
Gred Utama C	1	1	0
Pegawai Perancang Bandar dan Desa (J)			
- Tetap	12	12	0
- Kontrak	4	4	0
Pegawai Tadbir dan Diplomatik (KUP)	1	1	0
Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa (JA)			
- Tetap	47	45	2
- Kontrak	3	2	1
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (FA)	1	1	0
Penolong Pegawai Tadbir - Tetap	1	1	0
Penolong Pegawai Tadbir - Kontrak	1	1	0
Penolong Jurutera (JA)	1	1	0
Pelukis Pelan (Seni Bina)	7	7	0
Pentadbiran dan Sokongan (N)	19	19	0
Kewangan (W)	3	3	0
Pemandu Kenderaan (H) - Tetap	3	2	1
Pemandu Kenderaan (H) - Kontrak	2	2	0
JUMLAH	106	102	4

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Pertukaran dan Kemasukan Pegawai Baru

Bil Nama	Jawatan & Gred	Penempatan Lama	Tarikh Kuatkuasa
1 Kamalludin bin Nordin	Pegawai Perancang Bandar dan Desa, J44	PLANMalaysia	02.01.2024
2 Muhammad Farid bin Ahmad Khizari	Penghantar Notis, N11	Pejabat Tanah dan Galian Selangor	15.03.2024
3 Mohamad Fairuz bin Fauzi	Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa, JA29	Lantikan Baharu	15.03.2024
4 Muhammad Adzhan bin Mohd Saike	Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa, JA29	Lantikan Baharu	15.03.2024
5 Muhammad Rosdi bin Abdullah	Pegawai Perancang Bandar dan Desa, J44	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	02.05.2024
6 Muhammad Ridzuan bin Mat Arif	Pemandu Kenderaan, H11	Audit Dalam, SUK Selangor	06.05.2024
7 Muhammad Zhafir bin Abas	Pemandu Kenderaan, H11	Lantikan Baharu	04.06.2024
8 Badrulhisam Bin Fajar	Pembantu Tadbir (P/O), N19	Jabatan Hutan Negeri Selangor	01.07.2024
9 Azri Hanis Bin Zul	Penolong Pegawai Tadbir, N29	Unit Pembangunan Ekonomi Negeri Selangor	01.07.2024
10 Siti Norhayati Binti Mokti	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat, FA29	Suruhanjaya Pkhidmatan Awam Negeri Selangor	02.09.2024
11 Nur Aini Binti Abdul Halim Wong Thin Tuck	Pembantu Tadbir (P/O), N22	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor	15.09.2024
12 Wan Nor Hairunnisa Binti Wan Mokhtar	Penolong Pegawai Tadbir, N29	Lantikan Baharu	02.12.2024

BIL NAMA	JAWATAN & GRED	PENEMPATAN BARU	TARIKH KUATKUASA
1 Sallehudin bin Samsuddin	Pegawai Perancang Bandar dan Desa, J41	PLANMalaysia	02.01.2024
2 Mohd Sufian bin Tuha	Pemandu Kenderaan, H11	Kementerian Sumber Manusia	01.02.2024
3 Balakrishnan A/L Mayandi	Penghantar Notis, N11	Pejabat Tanah dan Daerah Gombak	15.03.2024
4 Mohd Azwan bin Ali	Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa, JA29	Unit Pembangunan Ekonomi Negeri Selangor	15.03.2024
5 Syed Muhamad Iqbal Shah bin Syed Asghar	Pegawai Perancang Bandar dan Desa, J41	PLANMalaysia	01.05.2024
6 Muhammad Ridzuan bin Mat Arif	Pemandu Kenderaan, H11	Jabatan Agama Islam Selangor	04.06.2024
7 Norerneza Binti Mohd Ayob	Pembantu Tadbir (P/O), N22 (TBK)	Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor	01.07.2024
8 Nurul Murni Binti Suryani	Penolong Pegawai Tadbir, N29	Jabatan Agama Islam Selangor	01.07.2024
9 Raja Linda Binti Raja Isa	Penolong Pegawai Tadbir, N29 (K)	SUK Selangor	01.07.2024
10 Muhamad Azuwan Bin Abdul Rahman	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat, FA32	Unit Pembangunan Ekonomi Negeri Selangor	02.09.2024
11 Nazariah Binti Mohamed Nasir	Pembantu Tadbir (P/O), N22	SUK Selangor	01.09.2024
12 Mohd Musyarif Bin Jainuri	Pembantu Operasi, N14	Pejabat Tanah dan Daerah Klang	01.10.2024
13 Noorsima Binti Ajenan	Pegawai Tadbir dan Diplomatik, M44	Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM)	09.12.2024

PENGURUSAN KEWANGAN



KITASELANGOR



PENGURUSAN KEWANGAN

Jabatan menerima peruntukan dari Kerajaan Negeri bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti Jabatan di bawah Peruntukan Vot Mengurus dan Peruntukan Vot Pembangunan. Bagi tahun 2024, jumlah peruntukan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri kepada PLANMalaysia Selangor bagi Vot Mengurus adalah sebanyak RM10,055,600.00 manakala bagi Vot Pembangunan adalah RM1,740,000.00.

Daripada jumlah tersebut, sehingga akhir tahun kewangan bagi Tahun 2024, Jabatan telah berjaya membelanjakan peruntukkan sebanyak RM10,019,144.69 (99.63%) bagi Vot Mengurus dan RM1,734,713.27 (99.70%) bagi Vot Pembangunan.

Perbelanjaan Mengurus (B16)



PERUNTUKAN
RM 10,055,600.00



PERATUSAN
99.63%

Perbelanjaan Pembangunan (P16)




PERBELANJAAN
RM 1,734,713.27



PERATUSAN
99.70%

■ Peruntukan (RM) ■ Perbelanjaan (RM)



Kedua-dua Vot Mengurus dan Vot Pembangunan mencapai kadar perbelanjaan melebihi 99%, mencerminkan pengurusan kewangan yang cekap dan bertanggungjawab oleh PLANMalaysia Selangor sepanjang tahun 2024.

PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN



KITASELANGOR





PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN

Jabatan telah menetapkan 8 Piagam Pelanggan bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan jabatan berdasarkan kepada standard kualiti yang telah ditetapkan dalam memenuhi kemahuan dan kehendak pelanggan.

Piagam 1 — 100%

Mengurusetiaikan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri 3 Kali Setahun.

Piagam 2 — 99.7%

Memberi Ulasan Perancangan Tidak Melebihi 14 Hari.

Piagam 3 — 100%

Menyelaras Penyediaan RT dan RKK serta Memantau Pelaksanaannya Berdasarkan Program Rancangan Malaysia 5 Tahun.

Piagam 4 — 100%

Mengadakan Mesyuarat Dengan Ketua Unit Pusat Setempat (OSC) 2 Kali Setahun.

Piagam 5 — 100%

Menyampaikan Keputusan Bertulis Lembaga Rayuan Kepada Perayu dan Responden Dalam Tempoh 10 Hari Bekerja dari Tarikh Keputusan Diterima.

Piagam 6 — 100%

Membekal Maklumat Perancangan (Kategori Tidak Terperingkat) Dalam Tempoh 5 Hari.

Piagam 7 — 100%

Tempoh Menunggu Untuk Menerima Layanan Kaunter Dengan Berbudi Bahasa Dalam Tempoh 5 Minit.

Piagam 8 — 100%

Mengadakan Sebaran Rancangan Pemajuan (RSN, RT, RKK) 3 Kali Setahun.



7 daripada 8 Piagam Pelanggan mencapai 100% pencapaian. Piagam Pelanggan 2 mencapai 99.7% — hampir sempurna dalam pemberian ulasan perancangan dalam tempoh 14 hari.



JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR (JPNS)

Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) merupakan sebuah badan penting di peringkat kerajaan negeri yang memainkan peranan utama dalam merancang, menyelaras, dan memantau pelaksanaan dasar serta program pembangunan. Seksyen 4 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) menggariskan fungsi utama JPN.



Pemuliharaan & Pemajuan Tanah

JPN bertanggungjawab untuk menggalakkan pemuliharaan, penggunaan, dan pemajuan semua tanah di dalam negeri selaras dengan dasar negara.



Pengawalan & Penyelarasan Pemajuan

JPN mengatur, mengawal, merancang, dan menyelaraskan semua aktiviti pemajuan di dalam negeri untuk memastikan pembangunan yang teratur dan bersepadu.



Nasihat kepada Kerajaan Negeri

JPN menasihati Kerajaan Negeri mengenai perkara yang berhubung dengan pemuliharaan, penggunaan, dan pemajuan tanah di dalam negeri.



Pemungutan & Penyiaran Perangkaan

JPN mengusahakan, membantu, dan menggalakkan pemungutan, penyelenggaraan, dan penyiaran perangkaan, buletin, monograf, dan penyiaran lain berkaitan perancangan bandar dan desa.

Mesuarat JPNS 2024

Tarikh	Mesuarat	Bilangan Kertas Kerja
30.01.2024	Mesuarat JPNS Bil 1/2024	Dasar: 3 Pemajuan: 6 Pemakluman: 4
04.04.2024	Mesuarat JPNS Bil 2/2024	Dasar: 1 Pemajuan: 1 Pemakluman: 2
09.08.2024	Mesuarat JPNS Bil 3/2024	Dasar: 2 Pemajuan: 7 Pemakluman: 2
04.10.2024	Mesuarat JPNS Bil 4/2024	Dasar: 3 Pemajuan: 3 Pemakluman: 1
10.12.2024	Mesuarat JPNS Bil 5/2024	Dasar: 1 Pemajuan: 6 Pemakluman: 1

JAWATANKUASA TEKNIKAL & PENILAIAN IMPAK SOSIAL (SIA)

JKT-JPNS (Seksyen 20A)

Jawatankuasa Teknikal Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor (JKT-JPNS) memproses permohonan rundingan di bawah Seksyen 20A, Akta 172. Bagi tahun 2024, sebanyak **9 kali mesyuarat** telah diadakan dengan **28 permohonan** dirundingkan.

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pengarah PLANMalaysia Selangor. Bagi tahun 2024, sebanyak 9 kali mesyuarat telah diadakan bagi merundingkan permohonan-permohonan 20A. Projek-projek yang dirundingkan adalah seperti berikut :

Bil	Tarikh	Jumlah Permohonan
BIL. 1/2024	26 Februari 2024	3
BIL. 2/2024	25 Mac 2024	3
BIL. 3/2024	14 Mei 2024	1
BIL. 4/2024	25 Jun 2024	2
BIL. 5/2024	27 Ogos 2024	2
BIL. 6/2024	27 September 2024	2
BIL. 7/2024	4 November 2024	3
BIL. 8/2024	25 November 2024	9
BIL. 9/2024	10 Disember 2024	3
Jumlah		28

Mesyuarat Panel SIA Negeri Selangor

Penilaian Impak Sosial (SIA) merupakan proses menganalisis, memantau dan menguruskan impak-impak positif dan negatif hasil daripada pelaksanaan sesuatu dasar, program, pelan atau projek. Bagi tahun 2024, Jabatan telah mengadakan **41 kali mesyuarat SIA**.

35

Laporan SIA diluluskan dengan pindaan

1

Permohonan diluluskan tanpa pindaan

3

Permohonan perlu dibentang semula

1

Permohonan ditolak & perlu bentang semula

1

Permohonan ditarik semula oleh perunding



Bagi tahun 2024, Jabatan telah mengadakan Mesyuarat Kajian Penilaian Laporan Impak Sosial Negeri Selangor sebanyak 41 kali bermula Januari 2024 hingga Disember 2024.

Daripada mesyuarat tersebut, sebanyak 35 laporan SIA yang telah diluluskan dengan pindaan, satu (1) permohonan diluluskan tanpa pindaan, tiga (3) permohonan perlu dibentang semula, satu (1) permohonan ditolak dan perlu bentang semula manakala satu (1) permohonan telah ditarik semula oleh perunding.

BIL	TARIKH MESYUARAT	JUMLAH PERMOHONAN
BIL. 1/2024	16 JANUARI 2024	1
BIL. 2/2024	29 JANUARI 2024	2
BIL. 3/2024	13 FEBRUARI 2024	1
BIL. 4/2024 BIL. 5/2024	15 FEBRUARI 2024	2
BIL. 6/2024	16 FEBRUARI 2024	1
BIL. 7/2024	23 FEBRUARI 2024	1
BIL. 8/2024	5 MAC 2024	1
BIL. 9/2024	15 FEBRUARI 2024	1
BIL. 10/2024	16 FEBRUARI 2024	2
BIL. 11/2024	27 MAC 2024	1
BIL. 12/2024	23 APRIL 2024	1
BIL. 13/2024 BIL. 14/2024	25 APRIL 2024	2
BIL. 15/2024	16 MEI 2024	1
BIL. 16/2024	21 MEI 2024	2
BIL. 19/2024	6 JUN 2024	1

BIL	TARIKH MESYUARAT	JUMLAH PERMOHONAN
BIL. 20/2024	20 JUN 2024	2
BIL. 21/2024	26 JUN 2024	1
BIL. 22/2024	27 JUN 2024	1
BIL. 28/2024	8 OGOS 2024	2
BIL. 29/2024	13 OGOS 2024	1
BIL. 30/2024	22 OGOS 2024	1
BIL. 31/2024	12 SEPTEMBER 2024	2
BIL. 33/2024	19 SEPTEMBER 2024	1
BIL. 34/2024	26 SEPTEMBER 2024	1
BIL. 35/2024	8 OKTOBER 2024	1
BIL. 36/2024	5 NOVEMBER 2024	1
BIL. 37/2024	22 OKTOBER 2024	2
BIL. 38/2024	7 NOVEMBER 2024	1
BIL. 39/2024	13 NOVEMBER 2024	1
BIL. 40/2024	21 NOVEMBER 2024	1
BIL. 41/2024 BIL. 42/2024	18 DISEMBER 2024	2
JUMLAH		41



JAWATANKUASA TEKNIKAL PEMBANGUNAN KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR (JTPKSAS)

JTPKSAS ditubuhkan dengan tujuan memberi nasihat mengenai had pembangunan yang boleh dilaksanakan di kawasan sensitif alam sekitar (KSAS). 1

Asas rujukan utama JTPKSAS dalam mengawal pembangunan di kawasan sensitif alam sekitar di Negeri Selangor adalah berpandukan kepada –

1. Garis Panduan Perancangan Pembangunan Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi Negeri Selangor yang telah diluluskan oleh MMKN bil. 11/2010 pada 24hb. Mac 2010;
2. Manual Garis Panduan Perancangan dan Piawai Negeri Selangor (MGPPNS) Edisi Keempat; dan
3. Garis Panduan Pembangunan di Kawasan Tanah Gambut Negeri Selangor yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) Bil.32/2018 pada 18 Oktober 2018.



JUMLAH PERMOHONAN

BIL.	TARIKH	PERKARA BERBANGKIT	PERMOHONAN BARU	PERMOHONAN HAL-HALLAIN	JUMLAH
BIL. 1/2024	06/02/2024	-	3	3	6
BIL. 2/2024	20/03/2024	-	3	3	6
BIL. 3/2024	14/05/2024	-	3	5	8
BIL. 4/2024	17/07/2024	2	0	3	5
BIL. 5/2024	29/07/2024	-	2	-	2
BIL. 6/2024	23/09/2024	-	2	3	5
BIL. 7/2024	23/10/2024	-	2	1	3
BIL. 8/2024	09/12/2024	-	2	1	3
JUMLAH KESELURUHAN		2	17	19	38

MESYUARAT JAWATANKUASA PENYELARASAN PELAKSANAAN PUSAT SETEMPAT (OSC) DI PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI SELANGOR

Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Pelaksanaan Pusat Setempat (OSC) di pihak berkuasa tempatan (PBT) merupakan platform penyelarasan dan pemantauan bagi memastikan proses kelulusan pembangunan dijalankan dengan lebih cekap, telus dan bersepadu.

Fungsi utama Mesyuarat –

- i. menyelaraskan pelaksanaan sitem One Stop Centre (OSC) bagi pemprosesan permohonan-permohonan pembangunan seperti kebenaran merancang, pelan bangunan, pelan kejuruteraan serta pelan tanah dan jalan;
- ii. mempercepatkan kelulusan pembangunan dengan mengurangkan birokrasi dan memastikan semua jabatan teknikal memberi ulasan dalam tempoh yang ditetapkan;
- iii. memastikan penyelarasan antara agensi dengan dengan menggabungkan input dari jabatan-jabatan teknikal;
- iv. memastikan semua pandangan teknikal diambil kira secara holistic sebelum membuat Keputusan;
- v. memantau pematuhan pemaju kepada syarat-syarat kelulusan dan prestasi OSC dalam tempoh masa pemprosesan permohonan dan mengambil tindakan ke atas kelewatan atau pelanggaran peraturan;
- vi. platform untuk menyelesaikan isu-isu teknikal antara pemaju, perunding dan jabatan kerajaan;
- vii. memberi maklum balas kepada pihak berkepentingan mengenai sebarang perubahan dasar atau proses.



BILANGAN

TARIKH

TEMPAT

1/2024

2 MEI 2024 (KHAMIS)

BILIK PERSIDANGAN TINGKAT

2/2024

4 DISEMBER 2024 (RABU)

18, JPBD SELANGOR

MESYUARAT JAWATANKUASA PENYELARASAN PERANCANGAN ANTARA PIHAK BERKUASA PERANCANG TEMPATAN NEGERI SELANGOR

Peranan utama Jawatankuasa ini :

- i. menyelaras perancangan fizikal antara PBT dengan menjamin keseragaman perancangan bandar dan desa di seluruh Negeri Selangor;
- ii. mengkaji dan menyelaraskan dasar perancangan semasa atau baharu;
- iii. menyelaraskan pelaksanaan manual, garis panduan atau pekeliling teknikal perancangan terkini
- iv. merupakan platform perkongsian amalan terbaik
- v. menyelesaikan isu rentas sempadan atau rentas agensi; dan
- vi. menyelaraskan Pembangunan infrastruktur strategik.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Pengarah PLANMalaysia Selangor. Pada tahun 2024, mesyuarat telah bersidang sebanyak dua kali iaitu pada 27 Mei 2024 bertempat di Hotel De Palma, Shah Alam dan pada 1 Oktober 2024 di Bilik Persidangan Tingkat 18, PLANMalaysia Selangor.



LEMBAGA RAYUAN NEGERI SELANGOR (LRNS)

Lembaga Rayuan Negeri Selangor (LRNS) diwujudkan di bawah Seksyen 36, Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 [Akta 172]. Kaedah-kaedah LRNS telah diwartakan pada 30 September 1999. Lembaga ini berfungsi sebagai tribunal bebas yang bertanggungjawab untuk mendengar, mempertimbang dan membuat keputusan terhadap kes-kes berkaitan perancangan bandar dan desa.

LRNS juga berperanan sebagai satu medium bagi pemohon untuk mengemukakan rayuan sekiranya terkilan atau tidak berpuas hati dengan keputusan pihak berkuasa perancang tempatan dalam mengenakan syarat-syarat kebenaran merancang.

Dalam melaksanakan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 36(2) Akta 172, Pihak Berkuasa Negeri Selangor, dengan persetujuan Menteri, telah melantik Pengerusi, Timbalan Pengerusi, dan Ahli-Ahli Lembaga Rayuan Selangor. Pelantikan ini adalah untuk memastikan bahawa lembaga tersebut mempunyai kepimpinan dan ahli yang berkelayakan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka dengan efektif dan efisien.

Keahlian Lembaga Rayuan Negeri Selangor Bagi Sesi 2024-2026

JAWATAN	NAMA
Pengerusi	Y.Bhg. Dato' Mohamad Fazin bin Mahmud
Timbalan Pengerusi	YBrs. Dr. Noraziah binti Abu Bakar
Ahli Lembaga Rayuan	Y.Bhg. Dato' Zainuddin bin Ahamad
	Y.Bhg. Datuk Gunasilan A/L Ponniah
	Y.Bhg. Dato' TPr. Hj. Mohd. Jaafar bin Hj. Mohd. Atan
	Y.Bhg Dato' Zul-kefli @ Zulkefli bin Khalid
	Y.Bhg. Dato' Muhammad Ridzuan bin Arshad
	Y.Bhg. Dato' Haji Mohamad Roslan bin Sakiman
	YBrs. Prof. TPr. Dr. Jamalunlaili bin Abdullah
	YBrs. Dr. Siti Sarah binti Sulaiman
	YBrs. Ar. Hjh. Norhayati binti Abdullah
	Pendaftar

Jumlah Kes Dan Prosiding Lembaga Rayuan Tahun 2024

BIL	PERKARA	JUMLAH
1	Kes Yang Didaftar	19
2	Persidangan	23
3	Kes Dibenarkan	2
4	Kes Ditarik balik	3
5	Kes Ditolak	4
6	Kes Sambung Bicara	7
7	Kes Dibuang	3

LAWATAN DELEGASI



KITASELANGOR



LAWATAN DELEGASI & KALENDAR PROGRAM JABATAN 2024

Sepanjang tahun 2024, PLANMalaysia Selangor telah aktif menjalinkan kerjasama strategik melalui pelbagai lawatan delegasi dan program jabatan yang bermakna.

Januari 2024

Kunjungan hormat DOSM
Selangor — perbincangan
kerjasama Banci Pertanian 2024
dan PADU.

1

2

Februari 2024

Lawatan Delegasi Kerajaan Kenya &
World Bank — perkongsian
Pembangunan Mampan dan
pelaksanaan SIA di Selangor.

3

Mei 2024

Majlis Pelancaran Draf Rancangan
Struktur Negeri Selangor 2035
(Penggubahan) — 17 Hala Tuju, 73
Dasar, 522 Inisiatif.

4

Julai 2024

Penyertaan SPARK 2024 di KLCC —
pameran strategi pembangunan
spatial perindustrian Negeri Selangor.

5

Oktober 2024

Sambutan Hari Perancangan Bandar
dan Desa 2024 — dirasmikan oleh
DYMM Sultan Selangor di Laman
Rekreasi Tasek Tambahan, Ampang.

6

November 2024

Penyertaan World Urban Forum ke-12
(WUF12) di Cairo, Egypt — pelancaran
Selangor VSR & VLR bagi 6 PBT.




Kunjungan Hormat Pengarah Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Selangor (DOSM Negeri Selangor) Ke Pejabat Pengarah Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Selangor

PLANMalaysia Selangor telah menerima kunjungan hormat daripada Pengurusan DOSM Selangor yang diketuai oleh Puan Hartini binti Yaakob pada 9 Januari 2024, bersama lima (5) orang pegawai pengiring. Sesi kunjungan hormat ini membincangkan mengenai kerjasama strategik bagi persediaan dan pelaksanaan Banci Pertanian 2024 yang akan dilaksanakan selama 3 bulan bermula pada Julai sehingga September 2024 serta pelaksanaan Pangkalan Data Utama (PADU) bermula Januari sehingga 31 Mac 2024.

Melalui sesi ini, Jabatan dapat menjalinkan hubungan kerjasama yang lebih erat serta mewujudkan ruang untuk kolaborasi bersama di masa akan datang. Semoga kerjasama ini dapat memberi impak yang besar dan positif khususnya kepada warga Negeri Selangor. Jutaan terima kasih diucapkan kepada pihak DOSM Selangor di atas kesudian mengunjungi PLANMalaysia Selangor.





Lawatan Delegasi Kerajaan Kenya Dan World Bank Ke Negeri Selangor



Pada 1 Februari 2024, seramai 21 pegawai tertinggi Kerajaan Kenya termasuk wakil The World Bank Group Inclusive Growth and Sustainable Finance Hub telah mengadakan kunjungan rasmi ke PLANMalaysia Selangor. Delegasi yang diketuai oleh Ms. Teresiah Malokwe Mbaika telah disambut oleh

TPr Khairulzaman bin Ibrahim, Pengarah PLANMalaysia Selangor bersama Dato' Bandar Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA). Turut hadir ialah wakil PLANMalaysia Selangor, TPr Lee Yoke

Sesi siri lawatan turun padang ini adalah untuk mendedahkan para delegasi berkenaan pendekatah terkini mengenai Pembangunan Mampan serta Pelaksanaan Penilaian Impak Sosial (SIA) di Negeri Selangor. Dua (2) kertas kerja telah dibenteng iaitu-

i. Sustainable Urban Planning Challenges In The Context of Shah Alam City oleh TPr Nurul Sheema binti Abdul Rahman daripada Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA); dan



ii. The Implementation of Social Impact Assessment (SIA) in Selangor oleh Nor Zaliza Binti Mohd Puzi daripada PLANMalaysia Selangor. Lawatan ini telah diurus setiakan oleh MBSA dan PLANMalaysia Selangor.



Lawatan Penanda Aras Perumahan Mampu Milik Di Selangor Oleh Kementerian Sumber Asli Dan Pembangunan Bandar Sarawak

Pada 20 Februari 2024, PLANMalaysia Selangor telah menerima kunjungan delegasi Kementerian Sumber Asli dan Pembangunan Bandar Sarawak yang diketuai oleh TPr Wan Sufian bin Wan Mustafa bersama 19 pegawai. Dengan kerjasama Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS), sesi perkongsian maklumat telah diadakan melalui lawatan ke Projek Rumah Selangorku di Setia Alam serta taklimat berkaitan pelaksanaan dasar, pemantauan, pematuhan, levi dan tabung amanah rumah mampu milik di Negeri Selangor.



Dua (2) kertas kerja telah dibenteng iaitu-

- i. Dasar Perumahan Mampu Milik oleh PLANMalaysia Selangor
- ii. Dasar Perumahan dan Hartanah Harga Kawalan Negeri Selangor oleh LPHS

Melalui sesi perkongsian ini, ketiga-tiga Jabatan dapat berkongsi maklumat berkenaan perumahan mampu milik yang dilaksanakan di beberapa negeri

seperti di Negeri Selangor, Sarawak dan juga Johor. Lawatan penanda aras ini juga telah mewujudkan hubungan kerjasama dan membentuk kolaborasi yang lebih erat di antara dua (2) negeri pada masa akan datang. Mesyuarat ini telah diurus setiakan oleh LPHS dan PLANMalaysia Selangor.



Lawatan Pejabat Urus Setia Sementara Majlis Pembangunan Lembah Klang Raya Selangor (Selangor Greater Klang Valley (SGKV))



Pada 19 April 2024, PLANMalaysia Selangor telah menerima kunjungan Pejabat Urus Setia Sementara Majlis Pembangunan Lembah Klang Raya (SGKV) bagi mendapatkan taklimat mengenai hala tuju perancangan Negeri Selangor. Kunjungan ini berkaitan usaha penyelarasan sistem pentadbiran melibatkan empat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu MBSA, MBPJ, MBSJ dan MBDK.



Penubuhan Pejabat Urus Setia Sementara bagi Majlis Pembangunan SGKV telah diluluskan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri MMKN Ke 2/2024. Pejabat Urus Setia Sementara ini diketuai oleh

YBhg. Dato' Puasa Bin Md Taib, dan dibantu oleh tiga (3) orang penyelidik iaitu YBr. TPr Gs Dr. Shamsaini binti Shamsuddin, YBr. TPr Ismail Bin Muhammad dan YBr. Tuan Tan Ah Know @ Tan Sie Wai.

Melalui sesi taklimat ini, pihak Jabatan dapat bekerjasama dan memberi maklumat-maklumat perancangan Pembangunan semasa negeri bagi membantu pihak Urus Setia Sementara Majlis Pembangunan SGKV dalam menyediakan, menyelaraskan dan menyeragamkan pentadbiran empat (4) buah bandar berkenaan.



Lawatan Kerja Perkongsian Pelaksanaan Penilaian Impak Sosial (SIA) Di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Perak Darul Ridzuan (PLANMalaysia Perak) telah mengadakan lawatan kerja perkongsian bagi pelaksanaan Penilaian Impak Sosial (SIA) ke PLANMalaysia Selangor pada 26 – 27 November 2024. Lawatan ini dihadiri seramai 17 orang yang diketuai oleh YBrs. TPr Gs. Mohamed Zamri bin Mohd Zain, Pengarah PLANMalaysia Perak, Timbalan Pengarah, Ketua Bahagian Pengurusan Perancangan dan Projek Khas (BPPPK) dan warga Bahagian BPPPK PLANMalaysia Perak.

Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk berkongsi pengalaman dalam pengurusan pemantauan Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP) yang telah dilaksanakan oleh PLANMalaysia Selangor serta penambahbaikan ke atas proses tatacara permohonan sedia ada di PLANMalaysia Perak. Satu lawatan tapak ke Centralised Labour Quarters (CLQ) bertempat di Petaling Jaya yang merupakan contoh projek pembangunan bagi Penilaian Impak Sosial (SIA) di Negeri Selangor. Semoga lawatan perkongsian ini memberi manfaat bersama dalam memantapkan pengurusan dan keurusetiaan SIA peringkat Negeri.



KALENDAR PROGRAM JABATAN



KITASELANGOR





BENGGEL PINDAAN MS ISO 9001:2015 JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI SELANGOR (PLANMALAYSIA SELANGOR)



Pada 6 Februari 2024 telah berlangsung Bengkel Pindaan MS ISO 9001:2015 PLANMalaysia Selangor bertempat di di Pustaka Raja Tun Uda Shah Alam. Encik Azharuddin bin Mohd Samion dari EQ Management Associates Sdn. Bhd. dijemput sebagai tenaga pengajar untuk Bengkel MS ISO 9001:2015 ini. Taklimat berkenaan Tatacara Penyediaan Dokumen Baharu Pindaan Dokumen Prosedur Kawalan Dokumen telah disampaikan oleh Pn. Siti Nabila binti Sheikh Hussien, Penolong Pengarah.





SEMAKAN SEMULA GARIS PANDUAN PERANCANGAN MENARA DAN STRUKTUR SISTEM PEMANCAR KOMUNIKASI DI NEGERI SELANGOR

Yang Berhormat Tuan Dr. Mohammad Fahmi bin Ngah, EXCO Agama Islam & Pembudayaan Inovasi telah bersama-sama dengan PLANMalaysia Selangor, YTSB Sdn. Bhd., SPBT UPEN, BPM SUK, PTGS, PDT dan PBT Negeri Selangor, SKMM dan SMARTSEL telah menjayakan Bengkel Penyelarasan Pelaksanaan Pembinaan Infrastruktur Komunikasi Negeri Selangor pada 21 Februari 2024.

Bengkel ini bertujuan untuk menyemak semula Garis Panduan Perancangan Menara dan Struktur Sistem Pemancar Komunikasi di Negeri Selangor, 2019 serta merangka Pelan Tindakan Pemutihan dalam merealisasikan hasrat kerajaan negeri ke arah mendapat liputan 5G 100% di seluruh kawasan berpenduduk menjelang 2025.



TAKLIMAT INISIATIF PENAMBAHBAIKAN PROSES DAN PROSEDUR OSC 3.0 PLUS KEPADA PEGAWAI-PEGAWAI OSC PBT NEGERI SELANGOR

Pada 22 Mac 2024 satu taklimat telah diadakan bagi memberi penerangan dan menjawab persoalan-persoalan Ketua-ketua Unit OSC ke atas Inisiatif Penambahbaikan Proses dan Prosedur OSC 3.0 Plus.



Mesyuarat telah dipengerusikan oleh En Dzul Ashrai bin Abu Bakar, Ketua Bahagian Pengawasan Perancangan. YBrs TPr Zarmizan bin Puji, Pengarah Bahagian Perundangan Dan Kawal Selia Perancangan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) telah dijemput untuk menyampaikan taklimat bertajuk “Penerimaan Inisiatif Baharu Penambahbaikan Proses dan Prosedur Pelan Pemajuan OSC 3.0 Plus Oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor”.

Taklimat ini turut dihadiri oleh wakil daripada Jabatan Kerajaan Tempatan, Pn. Siti Athirah binti Ishak, wakil daripada Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan (SPBT) UPEN Selangor, Puan Erma Izalira binti Jumain dan 12 Ketua Unit OSC PBT di Negeri Selangor.





BENGGEL PEMBANGUNAN TERMINAL KETIGA PELABUHAN KLANG DI PULAU CAREY, SELANGOR

Pada 6 Mei 2024, Kementerian Pengangkutan bersama Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) dan PLANMalaysia Selangor telah mengadakan Bengkel Pembangunan Terminal Ketiga Pelabuhan Klang di Pulau Carey, Selangor bertempat di Hotel Zenith, Putrajaya. Bengkel ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Jana Santhiran Muniayan, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia. Bengkel tersebut melibatkan agensi-agensi berkepentingan yang terlibat dalam perancangan dan pembangunan cadangan Pelabuhan Ketiga tersebut. PLANMalaysia Selangor telah membentangkan Cadangan Pelan Induk Pembangunan Pulau Carey sebagai Terminal Pembangunan Ketiga dalam bengkel tersebut, manakala LPK telah membentangkan berkenaan dengan Pulau Carey sebagai Terminal Ketiga Pelabuhan Klang.



MAJLIS PELANCARAN PROGRAM PUBLISITI DAN PENYERTAAN AWAM BAGI DRAF RANCANGAN STRUKTUR NEGERI SELANGOR 2035 (PENGUBAHAN)



Pada 9 Mei 2024 Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor (PLANMalaysia Selangor) telah mengadakan Majlis Pelancaran Publisiti dan Pendengaran Awam Draft Rancangan Struktur Negeri Selangor Tahun 2035 (Pengubahan) bertempat di Pusat Konvensyen MBSA, Seksyen 13, Shah Alam. Majlis telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor diiringi YB Dato' Setia Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Turut hadir, YB Dato' Dr. Ahmad Fadzli Bin Ahmad Tajuddin, Pegawai Kewangan Negeri Selangor, YBrs. TPr Md Nazri bin Abdullah, Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan) Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia).

Majlis ini turut dihadiri oleh lebih kurang 300 tetamu jemputan iaitu Ketua/ wakil Jabatan Kerajaan Peringkat Persekutuan, Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor, Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor, wakil-wakil perunding Perancang Bandar dan ahli akademik yang juga merupakan pemegang taruh kepada dokumen statutori perancangan negeri ini.

Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor (PLANMalaysia Selangor) telah melancarkan Draf Rancangan Struktur Kerajaan (RS) Negeri Selangor 2035 (Pengubahan). Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari memaklumkan, pelaksanaan pengubahan itu berdasarkan penemuan Laporan Pemantauan dan Penilaian Outcome (LPPO) RS Negeri Selangor 2035 disediakan pada 2022 yang mendapati daripada 69 dasar RS tersebut, terdapat tiga dasar perlu ditambah baik dan dua dasar perlu semakan untuk digugurkan. Dokumen ini merupakan kajian semula kepada Rancangan Struktur Negeri Selangor, yang belum pernah dipinda atau ditambah baik sejak diwartakan pada 2 Feb 2017.



Draf RS ini menggariskan 17 Hala Tuju strategik, 73 Dasar dan 522 Inisiatif Pelaksanaan, yang akan menjadi tonggak dalam memandu arah dalam memastikan pembangunan negeri Selangor untuk tempoh 10 tahun akan datang.



Sekitar Majlis Pelancaran Draft RSNS 2035 (Pengubahan)

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Negeri Selangor
(PLANMalaysia Selangor)

Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning | Beyond Conventional

Laman Web Rasmi
www.jpbd.selangor.gov.my


Laman FB Rasmi
PLANMalaysia Selangor

TikTok
PLANMalaysia Selangor

Laman X
JPBD Selangor



BENGGKEL EASE OF DOING BUSINESS (EODB) & TATACARA PELAKSANAAN INISIATIF BAHARU PENAMBAHBAIKAN PROSES DAN PROSEDUR PELAN KEMAJUAN OSC 3.0 PLUS NEGERI SELANGOR



Satu sesi Bengkel Ease of Doing Business (EODB) & Tatacara Pelaksanaan Inisiatif Baharu Penambahbaikan Proses dan Prosedur Pelan Kemajuan OSC 3.0 Plus Negeri Selangor yang berlangsung pada 23-24 Mei 2024 bertempat di G Hotel Gurney, Pulau Pinang dengan kerjasama Invest Selangor dan PLANMalaysia Selangor. Bengkel ini telah dihadiri oleh Wakil-wakil PBT, Pejabat tanah dan Daerah, Agensi Teknikal Luaran di Negeri Selangor serta Wakil Pemain industri bagi membincang kaedah bagi memudahcara Proses Permohonan Pembangunan di Negeri Selangor. Sesi Bengkel ini telah dirasmikan oleh Y.B. Tuan Ng Sze Han, EXCO Pelaburan, Perdagangan & Mobiliti, Pejabat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor.



PROSES PENGAUDITAN OLEH PASUKAN AUDIT DALAMAN MS ISO 9001 : 2015 TAHUN 2024

Pasukan Audit Dalam telah menjalankan proses pengauditan selama 3 hari bermula pada 19–21 Jun 2024. Rekod-rekod yang akan disemak melibatkan rekod-rekod bermula Januari–Disember 2023 serta rekod-rekod semasa berdasarkan kepada keperluan Pasukan Audit Dalam. Mesyuarat Pembukaan Audit Dalaman telah diadakan pada 19 Jun 2024 jam 9.30 pagi, manakala Mesyuarat Penutup Audit Dalaman yang membentangkan penemuan OFI dan NCR telah diadakan pada 21 Jun 2024 jam 3.00 petang yang dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah PLAN Malaysia Selangor merangkap Wakil Pengurusan SPK MS ISO 9001 : 2015.



PROSES PENGAUDITAN OLEH PIHAK SIRIM MS ISO 9001 : 2015 TAHUN 2024



PLANMalaysia Selangor telah selesai menjalankan sesi Audit MS ISO 9001:2015 bersama pihak SIRIM iaitu Audit Pematuhan 2. Sesi audit ini telah dilaksanakan selama dua hari yang merangkumi hampir semua Prosedur Kualiti Jabatan. Jabatan telah berjaya untuk meneruskan pensijilan pada tahun ini. Tahniah PLANMalaysia Selangor!






KURSUS TRAINING OF TRAINERS (TOT) DIGITAL DOCUMENT MANAGEMENT SYSTEM (DDMS)

Tarikh : 27 Jun 2024 (Khamis)
Masa : 9.00 pagi – 5.00 petang
Tempat : Makmal ICT,
JKR Negeri Selangor



Kursus ini diadakan bertujuan memberi pendedahan kepada kakitangan PLANMalaysia Selangor berkenaan dengan penggunaan sistem DDMS yang dapat merekod dan menyimpan dokumen dan fail-fail fizikal supaya fail-fail fizikal yang lama dapat dilupuskan mengikut tatacara Pelupusan Rekod Awam.




PROGRAM-PROGRAM MEMBUDAYAKAN ILMU SANTA ANJURAN JAWATANKUASA KEROHANIAN DAN AKRAB JABATAN


Beberapa siri program membudayakan ilmu telah dianjurkan oleh Jawatankuasa Kerohanian dan Jawatankuasa AKRAB PLANMalaysia Selangor telah diadakan di Bilik Persidangan Tingkat 18, dengan menampilkan tokoh-tokoh agamawan yang terkenal bagi tujuan meningkatkan pengetahuan ilmu agama dan pengisian rohani di jiwa ke arah mengingati Allah dan akhira di kalangan warga PLANMalaysia Selangor.

Pada 28 Jun 2024 pula satu program yang bertajuk "Kalau Aku Kaya" ini dipimpin oleh Ustaz Abdul Halim bin Abdul Hafidz dengan penampilan Istimewa Man Raja Lawak telah bermula sekitar jam 9.30 pagi. Program ini mengupas berkenaan perjalanan hidup Man Raja Lawak setelah bergelar Juara Raja Lawak Musim Ke-5 yang banyak memberi pengajaran kepada seluruh Warga Kerja Bangunan Darul Ehsan yang hadir. Program berakhir pada jam 11.30 pagi

SELANGOR INVESTMENT AND INDUSTRIAL PARK EXPO 2024 (SPARK 2024) DI KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE (KLCC)



Pada 27 Julai 2024, sekali lagi PLANMalaysia Selangor terlibat sebagai pempamer dalam Selangor Investment and Industrial Park Expo 2024 (SPARK 2024) yang bermula pada 25 hingga 27 Julai 2024 bertempat di Kuala Lumpur Convention Centre. SPARK 2024 telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor. PLANMalaysia Selangor telah mempamerkan strategi pembangunan spatial perindustrian Negeri Selangor berdasarkan kepada Draf Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 (Penggubahan). Selain itu, dipamerkan juga Sistem Maklumat Perancangan Negeri Selangor (SISMAPS) berkaitan dengan maklumat perindustrian di Negeri Selangor. Antara agensi lain yang terlibat dengan pameran ini adalah Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor, Agensi Pelaburan Negeri dan para pemain utama dalam pembangunan perindustrian di negeri ini.





KURSUS PENGUKUHAN PASUKAN DAN KECEMERLANGAN ORGANISASI JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI SELANGOR (PLANMALAYSIA SELANGOR)

PLANMalaysia Selangor telah menganjurkan Kursus Pengukuhan Pasukan dan Kecemerlangan Organisasi bertempat di Institut Pembedayaan Ummah Selangor (INSPENS, Sabak Bernam, Selangor. Kursus ini diadakan pada 1hb – 2hb Ogos 2024 untuk Sesi Pertama dan 15hb – 16hb Ogos untuk Sesi Ke-2 melibatkan seluruh warga kerja PLANMalaysia Selangor. C'Gu Jinggo berperanan sebagai moderator kursus menyentuh berkenaan permasalahan yang berlaku di tempat kerja dan faktor-faktor yang dapat menimbulkan suasana keseronokan bekerja serta semangat berpasukan yang harus diterapkan di dalam budaya kerja warga PLANMalaysia Selangor. Program ini Berjaya memupuk persefahaman, meningkatkan kerjasama dan memperkukuhkan hubungan antara pegawai dan kakitangan ke arah pembentukan organisasi yang lebih cemerlang dan berdaya saing.



PROGRAM PEMUTIHAN INSTITUSI TAHFIZ & PONDOK NEGERI SELANGOR 2024



Pada 8 Ogos 2024, PLANMalaysia Selangor dengan kerjasama Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran Selangor (PITAS) telah mengadakan satu program khas melibatkan seluruh institusi tahfiz dan pondok di Negeri Selangor.

Program Pemutihan ini telah dihadiri oleh pentadbir-pentadbir sekolah tahfiz dan pondok dan telah dirasmikan oleh Dato' SS Haji Mohd Shahzihan Bin Ahmad, pengarah JAIS dan agenda diteruskan dengan ucapan alu-aluan oleh Ustaz Hafiz selaku pengerusi PITAS.



Pembentangan Garis Panduan Pemutihan Sekolah Agama (Institusi Tahfiz) Persendirian telah dibentangkan oleh Pengarah PLANMalaysia Selangor yang merangkumi tatabaca dan prosedur berkenaan garis panduan tersebut.



KONTINJEN PERBARISAN DAN PERARAKAN SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-67 PERINGKAT NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN TAHUN 2024



Pada 30 Ogos 2024, PLANMalaysia Selangor telah menyertai Perbarisan Dan Perarakan Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-67 Peringkat Negeri Selangor Darul Ehsan Tahun 2024 bertempat di Dataran Kemerdekaan Shah Alam Selangor. Kontinjen ini dibarisi oleh hampir 50 orang tenaga kerja diketuai oleh Pengarah PLANMalaysia Selangor, TPr Khairulzaman bin Ibahim.

Penyertaan ini adalah sebahagian daripada usaha untuk memperkukuhkan semangat patriotisme dan cintakan negara di kalangan kakitangan PLANMalaysia Selangor.



SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR DAN DESA (HPBS) 2024 PERINGKAT NEGERI SELANGOR

Sambutan Hari Perancangan Bandar dan Desa 2024 peringkat Negeri Selangor telah berlangsung pada 20 Oktober 2024 (Ahad) di Laman Rekreasi Tasek Tambahan, yang terletak di Kampung Tasek Tambahan, Ampang.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah AlHaj Idris Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah AlHaj, dan Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Hajah Norashikin, telah mencemar duli untuk menghadiri Sambutan Hari Perancangan Bandar dan Desa (HPBS) 2024. Perasmian acara ini telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bagi menunjukkan sokongan baginda terhadap usaha membangun bandar dan desa yang mampan dan pintar, sekaligus menggalakkan kesedaran masyarakat tentang pentingnya perancangan yang strategik untuk kesejahteraan dan kemakmuran negeri.



Tema sambutan tahun ini, "Sedaya Upaya Membina Bandar Mampan dan Pintar," mencerminkan usaha berterusan untuk mewujudkan persekitaran yang lebih baik bagi masyarakat. Pelbagai aktiviti menarik telah dirancang yang melibatkan pelbagai lapisan masyarakat.

Antara program utama adalah perasmian Projek Showcase Smart Desa Negeri Selangor yang dirasmikan oleh Menteri Besar Negeri Selangor iaitu YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Bazar Komuniti MADANI yang menampilkan 20 peniaga tempatan, pertandingan gerai paling *awesome* dan gerai dengan pengunjung terbanyak, Jualan Rahmah PKPS yang menawarkan produk dengan harga berpatutan, Place Making, pertandingan Hias Pulut Kuning dan Hiasan Orkid, pameran-pameran, serta aktiviti rekreasi seperti

Wellness on Wheels, Petting Zoo, Supa-Dupa, Senamrobik, dan Pertandingan Bola Sepak. Semua aktiviti ini bertujuan untuk menggalakkan penyertaan masyarakat dalam perancangan pembangunan bandar.



Sekitar Hari Perancangan Bandar dan Desa 2024
Peringkat Negeri Selangor

PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2023 (APC)



Dari kiri : Encik Noryaddy Bin Mohd Panut, Puan Nithya A/P Muthusamy, Puan Norlela Binti Muhammad, Puan Noor Sahaliza Binti Ramli, Puan Siti Safwati Binti Rohani, Puan Pavani A/P Ellamalai, Puan Norain Binti Ilias dan Encik Ibrahim Bin Mat Mom

PENGHARGAAN ANUGERAH KHAS PENGARAH 2023 (AKP)



Dari kiri : Encik Mohd Sufian Bin Tuha, Tuan Syed Muhamad Iqbal Shah Bin Syed Asghar Ali, Puan Siti Nabila Binti Sheikh Hussein, Puan Faridah Hanim Binti Salaton dan Puan Nur Zetty Suria Binti Mohd Yusof




**Sekitar Majlis Anugerah
Perkhidmatan Cemerlang 2024**



Perhimpunan Bulanan Jabatan 1/2024
pada 19.01.2024
dengan tema

**FREE
PALESTINE**





WORLD URBAN FORUM KE-12 (WUF12) DI PUSAT PAMERAN ANTARABANGSA EGYPT, KAHERAH, MESIR



Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor telah menyertai World Urban Forum (WUF) Ke12 yang telah berlangsung di Cairo, Egypt pada 1 hingga 11 November 2024. Seramai dua (2) orang peserta daripada Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor telah hadir ke WUF ke-12 iaitu TPr Khairulzaman Bin Ibrahim dan Puan Rosmila binti Adnan.

WUF12 menekankan tema "It All Starts at Home: Local Actions for Sustainable Cities and Communities," membincangkan mengenai tindakan tempatan yang berkesan dalam mencapai Matlamat Pembangunan Mampan. World Urban Forum ke-12 (WUF12) merupakan platform global yang penting untuk memahami cabaran urbanisasi serta mencari solusi mampan bagi meningkatkan kualiti kehidupan bandar.

Majlis Perasmian Malaysia Pavilion diadakan pada 5 November disempurnakan oleh YB Tuan Ng Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Majlis turut dihadiri oleh Ketua Pengarah PLANMalaysia, Datuk TPr Dr. Alias bin Rameli.



Delegasi Selangor bersama pihak Urbanice Malaysian bersama-sama meraikan Majlis Perasmian Pavilion Malaysia.



PLANMalaysia Selangor dan pihak UPEN bersama wakil dari Universiti Cairo selepas Majlis Perasmian Pavilion Malaysia.

WORLD URBAN FORUM KE-12 (WUF12) DI PUSAT PAMERAN ANTARABANGSA EGYPT, KAHERAH, MESIR

Pada tarikh 6 November 2024, Majlis Pelancaran Selangor Voluntary Subnational Review (VSR) dan Voluntary Local Review (VLR) bagi enam (6) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) diadakan bagi menghargai komitmen agensi dan PBT dalam menjayakan Matlamat Pembangunan Mampan di Negeri Selangor.

Majlis ini dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato Menteri Besar Selangor di Pavilion Selangor yang turut dihadiri oleh Yang Berbahagia Dato' Setia Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Datuk TPr Dr. Alias bin Rameli, Ketua Pengarah PLANMalaysia, Yang Berhormat Dato' Ng Sue Lim, EXCO Kerajaan Tempatan dan Yang Berhormat Puan Jamaliah binti Jamaludin, EXCO Alam Sekitar dan Kesihatan Awam.



Majlis Perasmian disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato Menteri Besar Selangor.



Pengarah PLANMalaysia Selangor bersama tiga (3) PBT iaitu MBSA, MBSJ dan MPSepang membentangkan Laporan Selangor Voluntary Subnational Review (VSR) dan Voluntary Local Review (VLR).

MESYUARAT RANCANGAN KORPORAT JABATAN TAHUN 2024



Mesyuarat Rancangan Korporat PLANMalaysia Selangor Tahun 2024 telah diadakan selama 2 hari iaitu pada 28hb-30hb November 2024, bertempat di Cititel Hotel, Penang.

Agenda Mesyuarat adalah seperti berikut:


- Taklimat oleh Dr Jamil Jusoh berkenaan Garis Panduan Eco Pelancongan bersama PLANMalaysia Pulau Pinang dan Majlis Bandaraya Seberang Perai.
- Taklimat oleh PLANMalaysia Pulau Pinang berkenaan Pelaksanaan Pembangunan Negeri Pulau Pinang dan Sistem SMART PLANPENANG oleh YBhg. Dato' TPr GS. Rozita Binti Hamid selaku Pengarah PLANMalaysia Pulau Pinang.
- Bengkel Mesyuarat Rancangan Korporat Jabatan Perancangan yang di penguruskan oleh TPr Khairul Zaman bin Ibrahim selaku Pengarah PLANMalaysia Selangor yang memfokuskan kepada usaha-usaha untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan dalam pengurusan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. Turut dibincangkan adalah hala tuju strategik, program dan projek untuk tahun 2025, serta persiapan Jabatan dalam menentukan hala tuju Pelan Tindakan Strategik Jabatan 2026-2030.





Setinggi-tinggi Penghargaan & Terima Kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama dan sumbangan bagi menjayakan penerbitan Laporan Tahunan PLANMalaysia Selangor 2024.

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor (PLANMalaysia Selangor)
Tingkat 15-18, Bangunan Darul Ehsan, No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40646 Shah Alam
Tel: 03-55116666 | Faks: 03-5511 3557 | www.ipbdselangor.gov.my



Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor
(PLANMalaysia Selangor)



 PLANMalaysia Selangor  PLANMalaysia Selangor  <https://www.jpbdselangor.gov.my/>
Tik Tok

